

21 OCT 2002

DR MAHATHIR SELAMAT TIBA DARI LAWATAN KE TIGA NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selamat pulang ke tanah air malam ini selepas lawatan selama seminggu ke India, Pakistan dan Arab Saudi.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang pada pukul 11 malam, disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa Menteri dan Timbalan Menteri.

Di New Delhi, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatan dari India, Atal Bihari Vajpayee, selain berucap pada Sidang Kemuncak Perniagaan India-Asean. Sebelum itu, beliau melawat Andhra Pradesh, sebuah negeri di selatan India, yang terkenal dengan kemajuan teknologi maklumat.

Di Pakistan pula, Dr Mahathir telah berbincang dengan Presiden Pervez Musharraf selain merasmikan sebuah loji tenaga milik Tenaga Nasional Berhad.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudian berlepas ke Riyadh untuk menziarahi kembar siam Malaysia, Ahmad dan Muhammad Rosli, yang berjaya menjalani pembedahan pemisahan di King Fahad National Guard Hospital.

Perdana Menteri juga telah berucap pada satu seminar mengenai masa depan ekonomi Arab Saudi dan kemudian mengadap Raja Fahd. Beliau turut mengerjakan umrah.

-- BERNAMA  
MAM MAI PR